

Pulai Group puas



PESERTA Hotel Pulai Group merayakan kemenangan

500 peserta, 17 hotel warnai Sukan MAH



AKSI SETEMPAT

...mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan sebagai peringkat untuk disiarkan di akhbar. Artikel serta gambar boleh dihantar ke aksi@mediaprima.com.my

Johor Bahru

Hotel Pulai Group muncul juara Kejuaraan Sukan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) apabila memenangi dua pingat emas dan dua gangsa. Mereka membawa pulang dua pusingan pada saingan Le Grandeur Palm Resort Kompleks Belia dan Sukan Johor, baru-baru ini. Dalam saingan membara, tujuh acara sukan

sepak takraw, bowling, bola jaring, bola tampar, futsal, ping pong dan badminton itu, Hotel Pulai Group yang menggabungkan Pulai Springs Resort dan Pulai Desaru Beach Resort dan Spa meraih 16 mata keseluruhan.

Lebih 500 peserta 17 organisasi hotel mengambil bahagian dengan setiap hotel bergabung bagi membentuk empat kumpulan A, B, C dan D.

Tempat kedua milik Le Grandeur Palm Resort yang meraih satu emas, dua perak dan dua gangsa manakala Kumpulan SFS yang menggabungkan tiga hotel memabitkan Hotel Selesa Pasir Gudang, Sibu Island Resort dan Felda Residence Tanjung

Leman, ketiga.

Turut menyertai kejuaraan, KSL Resort, Mutiara Johor Bahru, Hotel Thistle, Hotel Grand Paragon, Hotel Grand Blue Wave, Hotel New York dan Hotel Berjaya Waterfront Johor Bahru, Hotel Grand Sentosa, M-Suites, Hotel Silka dan Hotel 11@ Century.

Pengerusi MAH Johor Tengku Ahmad Faizal Tengku Mohamed berkata, acara dipertandingkan itu diharap dapat membentuk kesinambungan gabungan usaha sama lebih mantap antara ahli hotel.

Selain itu, katanya kejuaraan itu diharap dapat rapatkan hubungan antara kakitangan hotel dan secara tidak langsung membantu

FAKTA

Hotel Pulai Group menang dua pingat emas dan dua gangsa

mem-
bangun

kan sektor pelancongan Johor.

"Pertandingan berlangsung sengit tapi setiap pasukan sukan mempunyai semangat bersatu dalam setiap penyertaan, selaras dengan tema kejuaraan Hotelier Unite," katanya pada majlis penutup.

"Saya gembira kerana lebih 15 organisasi yang mengambil bahagian sedepulau menunjukkan kepentingan perpaduan dan semangat kerjasama. Justeru, saya harap lebih banyak lagi organisasi hotel yang akan mengambil bahagian pada masa akan datang."